

EFIKASI GURU PRASEKOLAH TERHADAP PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS

[PRESCHOOL TEACHER'S SELF-EFFICACY TOWARDS MANAGEMENT OF TEACHING AND LEARNING OF ENGLISH LANGUAGE]

SITTI IDRIYANIH BAKRI¹ & ABDUL SAID AMBOTANG²

^{1*} SK Merotai Besar, Peti Surat 572, 91008 Tawau, Sabah.

² Universiti Malaysia Sabah, Jln UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah.

Correspondent Email: Idriyanihsitti@gmail.com

Received: 24 January 2025

Accepted: 17 February 2026

Published: 15 March 2026

Abstrak: Kajian dijalankan bertujuan mengetahui tahap efikasi guru prasekolah terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di negeri Sabah. Tahap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai pemboleh ubah bersandar dan efikasi guru prasekolah merupakan pemboleh ubah tidak bersandar. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Populasi guru prasekolah di Sabah adalah seramai 1326 orang guru. Kajian rintis yang dijalankan melibatkan 120 orang guru prasekolah yang terdiri daripada sekolah daerah Kota Kinabalu.

Kata Kunci: efikasi, pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris, guru prasekolah.

Abstract: The study was conducted to determine the level of efficacy of preschool teachers in teaching and learning English in the state of Sabah. The level of English teaching and learning as the dependent variable and the efficacy of preschool teachers as the independent variable. This study was conducted using an instrument, namely a questionnaire. The population of preschool teachers in Sabah was 1326 teachers. The pilot study conducted involved 120 preschool teachers from schools in the Kota Kinabalu district. The data was analyzed using Statistical Package for Science (SPSS) version 26.0 software to obtain accurate study results.

Keywords: teacher's self-efficacy, management of teaching and learning, English language, preschool teacher.

Cite This Article:

Sitti Idriyanih Bakri & Abdul Said Ambotang. (2026). Efikasi Guru Prasekolah Terhadap Pengurusan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Inggeris [Preschool Teacher's Self-Efficacy Towards Management Of Teaching And Learning Of English Language]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 6(2): 1-8.

PENGENALAN

Dalam usaha pembentukan modal insan serta melahirkan insan yang dinamik dalam setiap aspek kehidupan, pendidikan adalah merupakan elemen yang memainkan penting dalam kehidupan setiap manusia di mana ianya bermula sejak seawal usia kanak-kanak lagi. Melihat kepentingan aspek pendidikan dalam hal ini khususnya dalam era pembelajaran abad ke 21 ini,

sistem pendidikan di Malaysia telah menjadi semakin mencabar yang cenderung kepada kemahiran anak-anak untuk mempunyai pemikiran kritis dan kreatif dalam membuat sesuatu keputusan. Kecenderungan ini juga turut mula dipupuk dalam pendidikan prasekolah di mana anak-anak murid tadika ini didedahkan dengan pembelajaran abad ke 21 di dalam kelas. Dengan pendedahan ini, ianya bukan sahaja memberikan impak kepada murid dalam kelas malah memberi cabaran kepada setiap guru yang mengajar di prasekolah. Menurut Kamaruddin Yaakob (2006) dalam Zuhaila (2015), pendidikan prasekolah adalah asas yang memainkan peranan dalam mempengaruhi perkembangan pembelajaran kanak-kanak. Sekiranya kanak-kanak ini memperolehi pengalaman prasekolah dan pembelajaran yang berkesan, di mana ianya memberikan makna dan membawa kegembiraan kepada kanak-kanak tersebut, hal ini akan menjadi bekal kepada kanak-kanak untuk menjadi individu yang berkemahiran, mempunyai keyakinan diri, dan bersikap positif dalam mempersiapkan diri mereka untuk menerokai pembelajaran sepanjang hayat (Liza Isyqi, 2007 dlm Zuhaila Ismail, 2015).

Pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PPdP) merupakan bidang pengurusan yang paling utama dalam arena pendidikan. Bidang ini memberi impak yang besar bagi sesebuah institusi pendidikan dalam melaksanakan tanggungjawab organisasi sekolah untuk mencapai prestasi cemerlang dalam aspek akademik pelajar. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran adalah proses merancang pengajaran dan pembelajaran agar mencapai matlamat, menentukan atau memberi garis panduan perkara-perkara yang dilakukan oleh guru, menentukan pelajaran yang diajar guru mengikut kepakaran, memimpin dan memberi inspirasi kepada guru dan mengawal aktiviti serta memantau pelaksanaan agar ia berjalan sebagaimana yang telah dirancang (Mohd Asyraf, 2018).[A2.1][A2.2][A2.3] Seperti sedia maklum, kerajaan Malaysia kini amat menitikberatkan pendidikan prasekolah. Hal ini ditunjukkan melalui tumpuan utama yang telah diberikan oleh kerajaan dalam Bidang Keberhasilan Utama (NKRA). Pendidikan prasekolah merupakan antara empat tumpuan utama yang telah di fokus oleh kerajaan dalam meningkatkan kualiti dan kemampuan pendidikan di Malaysia. Melalui kepentingan ini, Kurikulum Prasekolah Kebangsaan Malaysia (KSPK) telah diperkenalkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010). KSPK merupakan panduan kepada setiap guru prasekolah yang lebih memberi penekanan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) meliputi setiap standard pembelajaran yang harus dilaksanakan bagi mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam pembelajaran dan pemudah caraan (pdpc) guru dalam kelas memainkan peranan yang penting dalam menarik minat dan keseronokan murid prasekolah dalam menguasai Bahasa Inggeris. Namun begitu, bukan semua guru prasekolah boleh menggunakan Bahasa Inggeris dalam pengajaran mereka akibat daripada tidak fasih menggunakan Bahasa Inggeris. Menurut Isahak, Abdul Latif Gapor et al., (2008) menyatakan bahawa kebanyakan guru adalah lemah dalam penggunaan Bahasa Inggeris sehingga gagal memberi penerangan kepada setiap murid. Apabila penguasaan bahasa inggeris guru itu sendiri pada tahap yang lemah, maka guru akan menghadapi kesukaran dalam menyampaikan pengajaran kepada murid dalam kelas. Menurut Datuk Mahdzir Khalid dalam Berita Harian pada 31 Ogos 2016, Terdapat 48 peratus guru prasekolah di Malaysia yang menguasai Bahasa Inggeris dengan memperolehi markah pada tahap B1 dan B2 iaitu julat markah antara 41 hingga 75 peratus. Beliau menyasarkan agar menjelang tahun 2020, penguasaan Bahasa Inggeris guru

adalah mencapai tahap C1 dan C2 iaitu markah 76 hingga 100 peratus. Di samping itu melalui sumber Pejabat Pendidikan Daerah Tawau pada tahun 2017 telah mendapati hanya 9 orang guru sahaja telah memperoleh markah C2 (76 hingga 100 markah) berbanding 100 orang guru prasekolah. Hasil dapatan kajian Nur Nazuha dan Nordin (2017) juga telah mendapati penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran prasekolah di Malaysia pada tahun 2010 telah menunjukkan bahawa kebanyakan guru prasekolah kurang yakin untuk mengajar dalam Bahasa Inggeris.

Hal ini ditambah lagi melalui kajian Nur Nazuha et al., (2017) yang telah mendapati ramai guru berasa tertekan apabila mengajar Bahasa Inggeris, malu untuk mengajar Bahasa Inggeris, takut untuk mengajar Bahasa Inggeris, berpeluh-peluh apabila mengajar Bahasa Inggeris dan panik apabila dipantau sewaktu mengajar Bahasa Inggeris. Hasil kajian beliau mendapati purata min sebanyak 2.24. Hal ini menunjukkan pentadbir jarang menilai pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris yang guru kendalikan, guru lain jarang menilai pengajaran Bahasa Inggeris yang guru kendalikan, jarang mendapat maklum balas yang positif dan negatif hasil dari pemantauan pentadbir, jarang diberi pujian dan ganjaran atas keberkesanan pengajaran Bahasa Inggeris yang guru kendalikan. Rentetan itu, hasil dapatan melalui pemantauan oleh pihak Jemaah Nazir dan Jaminan kualiti 2012 dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan 2012 mendapati persepsi guru yang tidak patuh dengan pelaksanaan pengajaran Bahasa Inggeris di prasekolah dan telah menunjukkan kelemahan guru prasekolah dalam mengajar Bahasa Inggeris sekaligus menunjukkan kurangnya kompetensi guru yang akan mempengaruhi efikasi pengajaran Bahasa Inggeris dalam kelas. Kajian prestasi guru prasekolah dalam pengajaran Bahasa Inggeris juga telah dijalankan terhadap 61 orang guru prasekolah dan telah mendapati hanya 26.2% iaitu seramai 16 orang guru sahaja yang menjalankan sepenuhnya pengajaran Bahasa Inggeris mengikut peruntukan waktu sebenar manakala seramai 45 orang atau 73.8% guru hanya melaksanakannya sekali sekala sahaja.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang dijalankan dengan menggariskan beberapa objektif. Antara objektif khusus yang diberi penekanan bagi kajian ini adalah pertama untuk mengenal pasti tahap efikasi guru prasekolah di negeri Sabah dan untuk mengenal pasti hubungan antara efikasi guru prasekolah dengan pengurusan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di negeri Sabah.[A3.1][A3.2]

TINJAUAN LITERATUR

Konsep Efikasi Guru

Efikasi diri guru adalah merupakan tahap kepercayaan seseorang guru ke atas kemampuan dirinya ketika menghadapi permasalahan dalam aspek pembelajaran melalui komitmen yang diberikan, kesungguhannya serta sikap guru sendiri ketika proses pengajaran (Mardhiah dan Rabiatul, 2016). Nik Aida (2016) menambah bahawa tindakan individu ini juga adalah seiring dengan kepercayaan yang telah dibentuk di mana lazimnya, penilaian hasil tindakan dibuat

dengan melihat keberjayaan dalam meningkatkan tahap efikasi mahupun kegagalan di mana berlakunya penurunan tahap efikasi.

Individu yang mempunyai tahap efikasi yang rendah sering melihat kejayaan mereka adalah sesuatu perkara yang kecil dan jarang untuk mengalihkan efikasi diri mereka ke arah yang lebih positif. Biarpun kejayaan telah diperolehi dengan bersusah payah, keraguan terhadap efikasi diri masih berlaku sekiranya individu tersebut berhadapan dengan usaha yang sama di masa mendatang. Teacher Sense Efficacy Scale (TSES) yang telah dipelopori oleh Megan Tchannen-Moran dan Anita Woolfolk Hoy (2001) telah membahagikan efikasi kepada tiga bahagian subskala iaitu Efikasi dalam Penglibatan Murid, Efikasi dalam Strategi Pengajaran Guru dan Efikasi dalam Pengurusan Kelas (Nur Nazuha & Nordin, 2017).

Konsep Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran

Anna, Emma & Thomas (2016) menjelaskan bahawa pengurusan PdP merupakan pengurusan yang melibatkan proses seperti merancang, melaksana, menilai dan membuat tindakan susulan termasuk penambahbaikan. Tambahan pula, pengurusan PdP adalah berkaitan dengan aspek seperti merancang PdP berkesan dengan mengambil kira latar belakang murid yang berbeza, melaksana PdP seperti yang telah dirancang dan membuat pengubahsuaian semasa sekiranya perlu, menilai keberkesanan pelaksanaan PdP serta membuat tindakan susulan berdasarkan penilaian yang telah dibuat termasuklah membuat penambah baikkan. Menurut mereka juga, pengajaran memerlukan pembelajaran pemodelan yang lebih realistik bagi menyelesaikan masalah dalam PdP.

Proses pengajaran dan pembelajaran akan berjalan dengan baik dan berkesan apabila pengurusan PdP diurus dengan jayanya. Di samping itu, proses tersebut melibatkan penyusunan dan manipulasi sesuatu pengajaran terhadap segala rintangan atau halangan yang perlu guru hadapi. Justeru, tujuan PPdP adalah untuk memberikan pengetahuan dan kemahiran, di samping membentuk dan mengembangkan nilai yang diperlukan dalam melakukan sesuatu tugas. Pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PPdP) yang baik adalah bergantung pada kemampuan guru mengurus rancangan episod PdP ke arah matlamat pendidikan yang dikehendaki (Kamarul, Noratikah & Mohd Faez 2012; Nadzri & Nor Fadilah 2017).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik yang telah diedarkan melalui google form secara rawak kepada sampel-sampel iaitu guru prasekolah di negeri Sabah. Data yang diperolehi adalah efikasi guru prasekolah terhadap pengurusan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif di mana beberapa ujian statistik digunakan untuk menganalisis data dan menentukan sama ada terdapat hubungan dan pengaruh antara pemboleh ubah yang dikaji. Kajian tinjauan dipilih sebagai reka bentuk kajian ini kerana kajian perlu disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan di samping mempunyai skop yang agak luas dan lebih banyak maklumat boleh diperolehi.

Terdapat dua jenis kaedah pensampelan iaitu pensampelan kebarangkalian dan bukan kebarangkalian (Merriam, 2002). Kaedah bukan kebarangkalian ini dilihat lebih sesuai untuk

digunakan bagi pendekatan kualitatif bagi mencari makna ataupun jawapan secara mendalam dan bukannya untuk memperolehi maklumat ataupun jawapan yang di generalisasi sebagaimana yang digunakan untuk tujuan pendekatan kuantitatif. Kajian ini mengaplikasikan teknik pensampelan rawak mudah di mana sampel diambil daripada sesebuah kawasan yang mempunyai keluasan dan telah dikenal pasti daripada pembahagian mengikut pejabat pendidikan daerah ataupun bahagian yang lebih kecil iaitu sekolah bagi membolehkan pihak pengkaji memastikan sampel secara rawak dilakukan dari kawasan yang lebih khusus. Pemilihan teknik pensampelan ini juga dilakukan memandangkan ia memudahkan pengkaji menentukan kumpulan responden dalam populasi dan ia juga kos efektif dalam perbelanjaan kajian yang dijalankan.

Lokasi Kajian

Tempat kajian ini melibatkan guru prasekolah di negeri Sabah iaitu melibatkan daerah Tawau, Semporna dan Lahad Datu, Sandakan dan Kota Kinabalu. Kajian berfokus kepada sekolah yang mempunyai guru prasekolah. Kajian rintis yang telah dijalankan adalah dalam daerah Kota Kinabalu.

Populasi, Sampel dan Kajian Rintis

Bilangan populasi meliputi guru lelaki dan perempuan adalah seramai 1326 orang guru prasekolah di Sabah. Populasi yang dikawal selia oleh mana-mana bahagian atau jabatan teknik pemilihan sampel yang sesuai adalah teknik pensampelan rawak strata berkadar (proportional stratification sampling approach) (Creswell, 2007). Frankel dan Wallen (2007) teknik pensampelan rawak strata berkadar ini adalah sesuai digunakan kerana bilangan sampel berbeza-beza mengikut Bahagian dan Jabatan yang merupakan yang mengawal selia sekolah-sekolah tersebut. Maka, sampel yang diperlukan adalah sekurang-kurangnya seramai 297 sampel. Pendapat ini disokong oleh jadual krejcie dan Morgan yang menyatakan bahawa bilangan sampel seramai 297 sampel daripada bilangan populasi adalah memadai dalam suatu kajian tinjauan. Namun, pengkaji menggunakan data 120 responden yang telah berjaya dikutip sebagai kajian rintis pengkaji sebelum menjalankan kajian sebenar.

DAPATAN KAJIAN

Mengenal pasti tahap efikasi guru prasekolah di negeri Sabah

Analisis tahap Efikasi Guru dalam kajian ini dilihat dari nilai kecenderungan memusat data mengikut dimensi variabel efikasi guru. Berikut adalah dapatan analisis data untuk tahap efikasi guru yang telah dibuat.

Analisis Skor Min Variabel Bebas Efikasi Guru Mengikut Dimensi

	<i>N</i>	Min	SP
Efikasi Guru	350	3.571	.493
Pengurusan Bilik Darjah	350	3.352	.780
Strategi Pengajaran Guru	350	3.758	.499
Pengurusan Murid	350	3.864	.387
Valid N (listwise)	350		

Jadual di atas menunjukkan nilai kecenderungan memusat (min) semua dimensi bagi pemboleh ubah Efikasi Guru dalam kajian. Berdasarkan data nilai kecenderungan memusat Efikasi Guru yang menghimpunkan tiga elemen dalam dimensi Pengurusan Bilik Darjah, Strategi Pengajaran Guru dan Pengurusan Murid yang telah menunjukkan nilai min 3.571. Analisis data kajian ini juga menunjukkan min bagi dimensi Efikasi Guru berada pada nilai 3.352 hingga 3.864.

Dimensi Pengurusan Murid memaparkan nilai min paling tinggi antara ketiga-tiga dimensi iaitu 3.864 iaitu pada tahap tinggi manakala dimensi Pengurusan Bilik Darjah telah menunjukkan nilai paling rendah iaitu 3.352 pada tahap skor min tinggi. Dapatan analisis deskriptif juga menunjukkan nilai min bagi dimensi strategi pengajaran guru adalah sebanyak 3.758. Oleh itu, ketiga-tiga dimensi Efikasi Guru menunjukkan min berada pada tahap tinggi.

Mengenal pasti hubungan antara efikasi guru prasekolah dengan pengurusan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di negeri Sabah.

Hubungan antara Efikasi dan Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran

Variabel	Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran	
Efikasi	Korelasi <i>Pearson</i>	.500
	<i>Sig. (2-tailed)</i>	.000
	<i>N</i>	350

*Signifikan pada aras $p < 0.01$ (2-Hujung)

Berdasarkan jadual 4.21 merupakan hubungan dan tahap hubungan antara variabel kajian efikasi dengan pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah bagi sampel kajian sebanyak $n=350$. Hasil analisis telah mendapati nilai $r=.500$ menunjukkan motivasi mempunyai hubungan positif yang sederhana dengan nilai pekali korelasi $r=.500$ dengan pengurusan pengajaran dan pembelajaran, nilai *Sig. (2-tailed)* = .000 ($p < .01$). Justeru, semakin tinggi nilai variabel efikasi, semakin tinggi nilai variabel pengurusan pengajaran dan pembelajaran.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Kajian ini melihat sejauh mana tahap dan hubungan pemboleh ubah bersandar iaitu pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah dalam mengajar Bahasa Inggeris dan pemboleh ubah tidak bersandar adalah efikasi guru prasekolah di Sabah khasnya. Berdasarkan kepada hasil kajian yang dijalankan menunjukkan terdapatnya hubungan signifikan antara efikasi guru prasekolah dengan pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah dalam Bahasa Inggeris. Korelasi juga telah menunjukkan hubungan yang positif. Hal ini boleh dilihat apabila setiap guru prasekolah mempunyai efikasi tinggi yang berkesan akan menyebabkan pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah dalam mengajar Bahasa Inggeris juga akan meningkat.

Pihak kementerian perlu mengambil langkah yang proaktif bagi menambah baik keberkesanan pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah. Usaha yang berterusan hendaklah di ambil seperti melaksanakan bengkel, seminar, kursus dan latihan berterusan kepada semua guru prasekolah agar dapat meningkatkan lagi produktiviti mereka. Melalui kursus dan latihan yang dianjurkan akan meningkatkan lagi semangat guru prasekolah di samping membina keyakinan diri serta sekali gus menaikkan lagi semangat profesion keguruan selari dengan keperluan memartabatkan sistem pendidikan negara yang semakin mencabar kini.

Seterusnya, pengurusan pdp guru yang berkesan khususnya dari segi efikasi guru secara berterusan dan saling berkaitan perlu dilakukan. Melalui penekanan dalam aspirasi guru yang telah dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025 ada menekankan pelaksanaan laluan kerja guru berasaskan efikasi dan prestasi guru dipertingkatkan. Jelaslah hasrat kerajaan sendiri yang telah memberi tumpuan kepada keupayaan guru dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan sama ada dalam kelas mahupun luar kelas. Melalui penekanan ini akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas bahawa tugas utama guru adalah membantu pembelajaran murid sekali gus menghasilkan pengurusan yang baik dan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran guru itu sendiri.

KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan efikasi sendiri guru kurang didedah dalam dunia pendidikan kita, tetapi bukan bermakna isu ini tidak pernah wujud. Ramai guru bersara awal juga menunjukkan guru telah berasa kurang yakin terhadap kebolehan mereka untuk mengajar dan menjalankan tugas di sekolah (Lim & Poon 1997). Brouwers, Evers dan Tomic (1999) dalam Masitah et al (2011), juga membuktikan bahawa efikasi sendiri guru meramalkan fenomena “burnout guru”. Justeru, perbezaan dapatan ini juga mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian menggunakan pemboleh ubah efikasi guru prasekolah mempunyai hubungan yang tinggi dengan pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah dalam Bahasa Inggeris. Justeru, Pengurusan pengajaran dan pembelajaran guru prasekolah akan meningkat apabila efikasi guru prasekolah juga meningkat.

RUJUKAN

- Anna N. Rafferty, Emma Brunskill, Thomas L. Griffiths & Patrick Shafto. 2016. Faster Teaching Via POMDP Planning. *Cognitive Science, A Multidisciplinary Journal*, 1290-1332.
- Creswell J W. 2007. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. 2nd ed. Sage Publications, London, UK
- Fraenkal, J.R and Wallen, N. E. 2007. *How to Design And Evaluate In Education, 6th Edition*. Singapore: McGraw-Hill.
- Hussin S. 2004. *Pedagogi Asas Pendidikan (Edisi Pertama)*. Selangor: Kayazano Enterprise.
- Isahak Haron, Abdul Latif Gapor, Md Imasir Masran, Abdul Halim Ibrahim, & Mariam Mohamed Nor. 2008. Kesan Dasar Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah. *Fakulti Sains Kognitif Dan Pembangunan Manusia*, 3–12. Retrieved from <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/495/>
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faez Ilias, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Mohd. Hamzah. (2011). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1): 59-74.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Laporan PISA. Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Masitah Hj Mohd Yusof, Azizi Muda, Bahaman Abu Samah, Ramli Basri, Notiat A. Rashid & Mohamed Khaidir Alias. 2011. Faktor – Faktor yang Mempengaruhi Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah di Malaysia dalam Pelaksanaan Pendidikan Alam Sekitar. *Malaysian Journal of Environment Management* 12(2): 91-111.
- Nadzri & Nor Fadilah. 2017. Kualiti Amalan Guru dan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di MRSM. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan. Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Nik Aida Suria Nik Zulkifli Ami. 2016. Hubungan Sokongan Guru Besar, Efikasi Kendiri, Efikasi Kolektif dengan Komitmen Kerja Guru Pendidikan Khas. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Nazuha Beevi Abdul Aziz, & Nordin Mamat. 2017. Analisis Keperluan: Pembangunan Modul Efikasi Pengajaran Bahasa Inggeris Guru Prasekolah. *National Conference on Education, Social Sciences, Engineering and Technology*.
- Tschannen-Moran, M., & Woolfolk Hoy, A. 2001. Teacher Efficacy : Capturing an Elusive Construct. *Teaching and Teacher Education*, 17 (7): 783-805(723).
- Zuhaila Ismail. 2015. Kesan Pembelajaran Yang Menyeronokkan Terhadap Kesiediaan Belajar Dalam kalangan Kanak-Kanak Prasekolah. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 1(3): 20–31. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.04.262>.